

1. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Kamalesh hendak meniru lagak orang kaya tetapi dirinya sendiri yang susah.

- ☐ A kalah jadi abu, menang jadi arang
- ☐ B lembu punya susu, sapi dapat nama
- ☐ C enggang sama enggang, pipit sama pipit
- ☐ D gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar

2. "Usah mengejek rakan-rakan kamu kerana _____. Tindakan kamu itu akan meninggalkan kesan emosi yang mendalam kepada rakan-rakan kamu," pesan Cikgu Azlina kepada Faris.

- ☐ A keadilan tidak mengenal kawan
- ☐ B kita harus memberi dan menerima
- ☐ C kata-kata lebih tajam daripada mata pedang
- ☐ D berkata benarlah walaupun kebenaran itu menyakitkan

3. Lihat gambar bersiri di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan gambar bersiri tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bagai dihiris sembilu
II	bagai kumbang putus tali
III	bagai cendawan kememeh
IV	bagai kaca terhempas ke batu

- ☐ A I dan II
- ☐ B II dan III
- ☐ C III dan IV
- ☐ D I dan IV

4. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Keputusan pertandingan juara lagu sudah diketahui umum namun masih banyak peribahasa yang berkaitan dengan seni tanah air yang bercakap-cakap tentangnya.

- ☐ A menangguk di air keruh
- ☐ B orang mengantuk disorongkan bantal
- ☐ C sebab nila setitik rosak susu sebelanga
- ☐ D rumah sudah siap, pahat masih berbunyi

5. **Maksud peribahasa "seperti katak, sedikit hujan banyak bermain" ialah...**

- ☐ A perkara yang remeh-temeh diperbesar-besarkan.
- ☐ B beroleh malu dalam sesuatu majlis disebabkan kesalahan sendiri.
- ☐ C pekerjaan yang dilakukan dengan tekun dan bersungguh-sungguh.
- ☐ D kebaikan seseorang tidak dihargai disebabkan kesilapan yang sedikit.

6. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Lisa tidak menyangka dia akan memenangi tempat pertama dalam pertandingan deklamasi sajak itu kerana saingannya hebat-hebat.

- ☐ A untung sabut timbul, untung batu tenggelam
- ☐ B air tenang jangan disangka tiada buaya
- ☐ C tanam cempedak tumbuh nangka
- ☐ D ada nyawa, ada rezeki

7. **Berikut merupakan peribahasa yang berkaitan dengan hubungan persahabatan yang sangat kukuh, kecuali...**

- ☐ A bagai kuku dengan isi.
- ☐ B bagai aur dengan tebing.
- ☐ C bagai lesung dengan antan.
- ☐ D bagai dakwat dengan kertas.

8. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Walaupun memperoleh keuntungan yang sedikit, Pak Cik Salman dan rakan-rakannya membahagikan keuntungan jualan ikan air tawar mereka secara sama rata.

- ☐ A kalah jadi abu, menang jadi arang
- ☐ B berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- ☐ C ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- ☐ D hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah

9. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Maksud peribahasa berdasarkan gambar di atas ialah...

- ☐ A kesalahan kecil dapat disembunyikan selalu.
- ☐ B kejahatan yang besar tidak dapat disembunyikan.
- ☐ C janganlah mencuba menyembunyikan kejahatan orang lain.
- ☐ D kebaikan yang dilakukan dapat menutup kesalahan yang lalu.

10. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Hubungan antara penduduk Kampung Setia sangat akrab dan sukar dipisahkan.

- ☐ A berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- ☐ B ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- ☐ C buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali
- ☐ D bulat air oleh pemetung, bulat manusia oleh muafakat

11. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Suara penyanyi terkenal itu _____.

- ☐ A merdu bagai buluh perindu
- ☐ B tajam seperti sembilu
- ☐ C garang seperti singa
- ☐ D tenang seperti tasik

12. Anak tunggalnya itu menjadi _____nya sejak suaminya meninggal dunia.

- ☐ A isi hati
- ☐ B hati emas
- ☐ C jantung hati
- ☐ D darah daging

13. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	berat sama dipikul ringan sama dijinjing
II	hidup dikandung adat, mati dikandung tanah
III	di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
IV	ibarat telur sesangkak pecah sebiji pecah semua

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

14. Lihat gambar bersiri di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan gambar bersiri tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	alang-alang mandi biar basah
II	belum duduk sudah berlunjur
III	genggam bara api biar sampai jadi arang
IV	adat periuk berkerak adat lesung berdedak

- ☐ A I dan III
☐ B II dan III
☐ C II dan IV
☐ D I dan IV

15. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Para pekerja itu langsung tidak terkejut apabila corak pentadbiran syarikat diubah oleh pengurus yang baru dilantik itu kerana bagi mereka...


- ☐ A kapal satu, nakhoda dua.
- ☐ B patah tumbuh, hilang berganti.
- ☐ C kepala sama hitam, hati lain-lain.
- ☐ D sekali air bah, sekali pantai berubah.

16. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Umaira yang baru pertama kali datang ke Kuala Lumpur terpinga-pinga apabila melihat banyak bangunan pencakar langit di situ.

- ☐ A seperti abu atas tunggul
- ☐ B seperti cacing kepanasan
- ☐ C seperti rusa masuk kampung
- ☐ D seperti itik mendengar guntur

17. Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, pilih **satu** peribahasa yang sesuai.



- ☐ A seperti langit dengan bumi
- ☐ B berat sama dipikul ringan sama dijinjing
- ☐ C biar berputih tulang, jangan berputih mata
- ☐ D cakap siang pandang-pandang cakap malam dengar-dengar

18. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bagai isi dengan kuku
II	bagai aur dengan tebing
III	bagai hempedu lekat di hati
IV	bagai cincin dengan permata

- ☐ A I dan III
- ☐ B II dan III
- ☐ C II dan IV
- ☐ D I dan IV

19.

Bagaimana acuan begitulah kuihnya

Peribahasa di atas bermaksud sikap seseorang anak...

- ☐ A mengikut didikan gurunya.
- ☐ B menurut acuan ibu bapanya.
- ☐ C menurut pengaruh persekitarannya.
- ☐ D mengikut pengaruh rakan sebayanya.

20. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Penggunaan produk kecantikan yang mengandungi bahan kimia yang tinggi sangat berbahaya.

- ☐ A bagai duri dalam daging
- ☐ B bagai panas mengandung hujan
- ☐ C bagai memegang tali layang-layang
- ☐ D bagai pintu tak berpasak, perahu tak berkemudi